

PROMOSI DEPOSIT TETAP 6-BULAN

Dikemaskini pada 30 Jun 2017

TEMPOH PROMOSI

"Promosi Deposit Tetap 6-bulan" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("HLB") bermula pada 1 Julai 2017 dan berakhir pada 31 Ogos 2017, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai sasaran Promosi yang ditetapkan **Ringgit Malaysia Empat Bilion dan Lima Ratus Juta (RM4,500,000,000)** ("Had Saiz Dana"), mengikut mana yang dahulu ("Tempoh Promosi"), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-

KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka kepada semua pemegang akaun yang baru and sedia ada bagi Akaun Deposit Tetap Hong Leong ("Akaun FD") sertaan berikut yang merupakan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia dan bukan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia ("Pelanggan").
- Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
 - Pemegang akaun baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Akaun FD sertaan dengan HLB sebelum Tempoh Promosi.
 - Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, empunya tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, tidak termasuk syarikat dan badan korporat.
- Akaun FD sertaan bagi Promosi ini adalah seperti berikut ("Akaun Sertaan"):
 - FD Konvensional;
 - FD Premium Perbankan Prioriti; dan
 - 'Senior Savers Flexi FD'.
- Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad's (686191-W) ("HLISB") atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
- Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

KAEDAH PROMOSI

- Pelanggan yang telah membuat perletakan deposit di antara Amaun Perletakan Minimum dan Amaun Perletakan Maksimum ("Amaun FD" seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah) dalam Akaun FD yang baru and sedia ada masing-masing bagi tempoh FD yang dinyatakan di bawah akan menikmati kadar faedah promosi seperti berikut ("Pelanggan Layak"):

Produk	Tempoh FD	Kadar Faedah Promosi FD	Kadar Faedah FD Efektif	Amaun Perletakan FD Minimum	Amaun Perletakan FD Maksimum
FD Konvensional / FD Premium Perbankan Prioriti / 'Senior Savers Flexi FD'	6-bulan	3.90% setahun	3.90% setahun	RM10,000	RM2,000,000

- Amaun Perletakan FD Minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** sehingga Amaun Perletakan FD Maksimum **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000)**. Jika Amaun Perletakan FD melebihi Amaun Perletakan Maksimum yang ditetapkan atau jika mencapai Had Saiz Dana **Ringgit Malaysia Empat Bilion dan Lima Ratus Juta (RM4,500,000,000)**, mengikut mana yang dahulu, Amaun FD yang melebihi Amaun Perletakan Maksimum yang ditetapkan atau Has Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD konvensional semasa.

8. Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
 - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD yang baru dan sedia ada Pelanggan Layak; dan / atau
 - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA”) HLB.
9. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
 - (a) FD yang matang atau pengeluaran pramatang FD dari mana-mana akaun FD HLB yang sedia ada;
 - (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB / Hong Leong Islamic Bank (“HLISB”) yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Semasa, Deposit Tetap, Deposit Tetap-i (“FD-i”), Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
 - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
10. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan Akaun CASA yang dikekalkan dengan HLB di bawah nama Pelanggan Layak (“CASA Namaan”) bagi tujuan mengkreditkan faedah yang diperolehi daripada Amaun FD yang diletakkan di bawah Promosi ini.
11. Kadar faedah yang diperolehi bagi FD Konvensional dan FD Premium Perbankan Prioriti akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang. Manakala kadar faedah yang diperolehi bagi ‘Senior Savers Flexi FD’ akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.
12. Apabila tarikh matang, Amaun pokok FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah semasa FD masing-masing dan kadar faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.
13. Pengeluaran sebahagian FD tidak dibenarkan bagi FD Konvensional. Bagi FD Premium Perbankan Prioriti dan ‘Senior Savers Flexi FD’, tertakluk kepada fasal 14 Terma & Syarat Promosi, pengeluaran sebahagian FD dibenarkan dalam gandaan Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sahaja. Akan tetapi, jika baki dalam FD Premium Perbankan Prioriti dan / atau ‘Senior Savers Flexi FD’ kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000), pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
14. Sekiranya FD dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka peraturan Persatuan Bank di Malaysia (“ABM”), terutamanya Seksyen E (v) akan dikenakan:
 - (a) Kadar faedah tidak akan dibayar bagi mana-mana FD yang dikeluarkan sebelum genap **tiga (3) bulan**.
 - (b) Sekiranya FD dikeluarkan dalam bulan **keempat (ke-4)** dan ke atas, Pelanggan Layak akan menerima 50% daripada kadar faedah FD yang ditetapkan dan diperolehi bagi bulan-bulan genap atas Amaun pokok sahaja.

HLB berhak menolak balik dan memotong amaun yang setara dengan kadar faedah yang dibayar bagi FD yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok FD semasa pengeluaran.
15. Perletakan dan pengeluaran FD mesti dilakukan di cawangan pihak Bank asal Pelanggan Layak iaitu cawangan di mana perletakan FD dibuat.
16. FD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

UMUM

17. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
 - (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun;
 - (ii) keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan; dan
 - (iii) mengakses Laman Web HLB www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat.
18. HLB berhak:
 - (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB,

atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dahulu; dan

- (ii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlakanya, daripada menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang sebab.

19. Pelanggan Layak hendaklah bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
20. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut
21. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
22. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

Deposit Tetap adalah layak dilindungi oleh PIDM